

## Kerjaya Prospek dapat kontrak di Pulau Pinang

**Anak** syarikat milik penuh Kerjaya Prospek Group Bhd, Future Rock Sdn Bhd menerima surat anugerah untuk melaksanakan serta menyiapkan kerja-kerja penambakan dan pengorekan bagi pembangunan Seri Tanjung Pinang (Fasa 2B dan 2C) (STP2) di Tanjung Tokong, Pulau Pinang bernilai RM567.7 juta.

Syarikat itu melalui satu kenyataan semalam berkata, kerja terabit dijangka siap dalam tempoh 40 bulan dari tarikh permulaan.

Kontrak itu, yang dianugerahkan oleh Tanjung Pinang Development Sdn Bhd, anak syarikat tidak langsung Eastern & Oriental Bhd (E&O), dilaksanakan berdasarkan terma komersial tertentu.

E&O merupakan syarikat yang mana pemegang saham utama Kerjaya Prospek mempunyai kepentingan langsung dan tidak langsung.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Eksekutif Kerjaya Prospek, Tee Eng Tiong, berkata projek itu akan meningkatkan nilai kontrak terkumpul dari tahun sehingga kini kepada RM978.7 juta, yang menjadikan jumlah tempahan dalam tangan tertunggak syarikat berada pada paras RM4.5 bilion, yang akan bertahan untuk sekurang-kurangnya empat tahun akan datang.